

PENGGUNAAN TEKNOLOGI ICT DALAM PENGAJARAN BAHASA  
ARAB DI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN AGAMA

MUNA BIN HAMZAN

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

PENGGUNAAN TEKNOLOGI ICT DALAM PENGAJARAN BAHASA ARAB DI  
SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN AGAMA

MUNA BIN HAMZAN

Tesis ini dikemukakan  
sebagai memenuhi syarat penganugerahan ijazah  
Sarjana Falsafah

Fakulti Tamadun Islam  
Universiti Teknologi Malaysia

MEI 2016

## DEDIKASI

DENGAN NAMA ALLAH YANG MAHA PEMURAH LAGI MAHA PENGASIHANI

*Kehidupan Satu Perjuangan Dan Pengorbanan. Ada Ketika Kita Perlu Berkorban Untuk Mendapatkan Sesuatu. Ada Ketika Perlu Berjuang Untuk Mendapatkan Dan Melepaskan Sesuatu. Keindahan Dunia Ini Sementara Cuma, Akhirat Kelak Destinasi Utama*

***Ku hurkan salam penuh kasih sayang kepada Ibunda tercinta  
Salbiah Binti Hassan***

***Ku sematkan kasih di hati Ayahanda yang dirindui  
Hamzan Bin Abdul Hamid***

***Ku hargai jasa dan pengorbanan Isteriku yang tercinta  
Noor Husni Binti Mohd Arifin serta Ayahanda Hj. Mohd Arifin Dollah***

Semoga Dirahmati Allah S.W.T atas Segala Pengorbanan Ikhlas Yang Penuh Pengertian Yang Kalian Berikan. Sokongan, Restu Dan Jasa Kalian Tidak Akan Dipersia Demi Mencapai Kejayaan Di Dunia Dan Akhirat.

## PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Syukur dengan limpah rahmatNya serta dengan keizinanNya saya telah berjaya menyiapkan kajian ini dalam tempoh yang ditetapkan. Selawat dan salam ke atas nabi junjungan kita, Nabi Muhammad S.A.W serta para anbiya'. Setinggi penghargaan yang tidak terhingga ditujukan kepada Prof Madya Dr. Ajmain Bin Safar selaku penyelia yang telah banyak memberi bimbingan, nasihat dan tunjuk ajar sepanjang penyelidikan ini.

Sekalung penghargaan juga diucapkan kepada Prof. Madya Dr. Azhar Bin Muhammad yang telah banyak membantu dari segi rujukan ilmiah saya dalam penyelidikan ini. Tidak lupa juga kepada rakan-rakan seperjuangan yang banyak membantu dalam mengemaskinikan kajian ini. Juga kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung ataupun tidak langsung.

Akhir sekali, saya memohon agar bantuan dan kerjasama yang telah diberikan oleh semua pihak yang terlibat akan dibalas oleh Allah S.W.T dengan ganjaran yang setimpal. Sekian.

## ABSTRAK

Penggunaan teknologi ICT telah terbukti mempunyai potensi yang cukup luas dan dinamik dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab. Kajian ini bertujuan untuk meneroka penggunaan teknologi ICT dalam pengajaran Bahasa Arab dari aspek tahap penggunaan, kekerapan, serta kesan penggunaan ICT. Kajian juga bertujuan untuk mengenalpasti perbezaan tahap penggunaan ICT berdasarkan latarbelakang responden dan mengenalpasti hubungan kekerapan penggunaan ICT dalam pembelajaran Bahasa Arab berdasarkan minat, interaksi, dan pencapaian responden dalam pembelajaran Bahasa Arab. Seramai 144 responden yang terdiri daripada pelajar tingkatan 4 daripada dua buah SMKA di Pahang telah dipilih secara rawak. Satu instrumen soal selidik yang diubahsuai daripada kajian yang lepas mengandungi 74 item soalan telah digunakan bagi mengutip data berkaitan. Tahap nilai kebolehpercayaan alpha Cronbach yang diperolehi bagi instrumen ini ialah tahap cemerlang, iaitu 0.933. Data kajian telah dianalisis secara deskriptif menggunakan min, sisihan piawai, Ujian t, Anova sehala, dan korelasi Pearson. Dapatan kajian menunjukkan bahawa responden mempunyai tahap yang tinggi dalam aspek penggunaan teknologi ICT. Latarbelakang responden pula menunjukkan bahawa faktor jantina, dan jenis sekolah mempengaruhi tahap penggunaan teknologi ICT dalam pengajaran. Kajian juga mendapati hubungan yang signifikan antara tahap penggunaan teknologi ICT terhadap minat, interaksi, dan pencapaian responden dalam pembelajaran Bahasa Arab.

## ABSTRACT

The application of Information And Communications Technology (ICT) has been proven to have a vast potential and dynamic in teaching and learning of the Arabic Language. This research is to explore the use of ICT in terms of level of application, frequent usage and its effects on the teaching of Arabic Language. This research is also to identify how the respondent's background effects their level of ICT application and at the same time to determine the correlation between the frequent use of ICT in learning Arabic Language and the respondent's interest, interaction and achievement in the subject. There were 144 Form 4 students in two Religious Secondary Schools in Pahang were randomly selected as respondents for this research. A set of questionnaires modified from previous researches which constitutes 74 items was used as instrument to collect the data. The reliability value measured by Cronbach's Alpha was within the acceptable level which is 0.933. The data was analysed descriptively using the mean, standard Deviation, T-test, one-way Anova and Pearson correlation. Findings show that respondents have a high level of knowledge in the ICT application. Background of the respondents showed that gender and the types of school influence the level of ICT usage in teaching. The research also reveals that there is a significant relationship between the level of ICT usage and the respondents interest as well their achievement in learning the Arabic Language.

## KANDUNGAN

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>HALAMAN</b>
	<b>HALAMAN JUDUL</b>	i
	<b>PENGAKUAN</b>	ii
	<b>DEDIKASI</b>	iii
	<b>PENGHARGAAN</b>	iv
	<b>ABSTRAK</b>	v
	<b>ABSTRACT</b>	vi
	<b>KANDUNGAN</b>	vii
	<b>SENARAI SINGKATAN</b>	x
	<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xi
<b>1</b>	<b>PENGENALAN</b>	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Kajian	2
	1.3 Pernyataan Masalah	7
	1.4 Objektif Kajian	11
	1.5 Persoalan Kajian	12
	1.6 Hipotesis Kajian	13
	1.7 Kerangka Kajian	15
	1.8 Kepentingan Kajian	20
	1.9 Skop kajian	21
	1.10 Batasan Kajian	21
	1.11 Definisi Operasional	22
	1.12 Penutup	30

<b>2</b>	<b>KAJIAN LITERATUR</b>	
2.1	Pengenalan	31
2.2	Bahan Bantu Mengajar Menurut Perspektif Islam	31
2.3	KPM Dan Kemudahan ICT	34
2.4	Konsep Pengajaran Bahasa Arab	36
2.5	Teori Pembelajaran Dan Pengajaran	39
2.6	Model Gaya Pembelajaran VAK	41
2.6.1	Model Gaya Pembelajaran Visual	41
2.6.2	Teori Pembelajaran Bahasa Berbantuan Komputer	42
2.6.3	Teori Dalam Pengajaran Bahasa Arab	44
2.7	Teknologi ICT Dalam Pengajaran Bahasa Arab	46
2.7.1	Kategori Dan Bahan Teknologi ICT Dalam Bahasa Arab	49
2.8	Pencapaian Bahasa Arab	51
2.8	Kajian Lepas	55
2.9	Penutup	63
<b>3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	
3.1	Pengenalan	64
3.2	Reka Bentuk Kajian	64
3.3	Lokasi Kajian	65
3.4	Populasi Dan Sampel Kajian	68
3.5	Instrumen Kajian	70
3.5.1	Instrumen Borang Soal Selidik	71
3.5.1.1	Bahagian A	71
3.5.1.2	Bahagian B	71
3.5.1.3	Bahagian C	72
3.5.1.4	Bahagian D	73
3.6	Kajian Rintis	74
3.6.1	Kebolehpercayaan Instrumen	75



3.6.2	Pengesahan Instrumen	77
3.7	Analisis Data	79
3.7.1	Analisis Diskriptif	79
3.7.2	Analisis Infrensi	80
3.8	Penutup	81
<b>4</b>	<b>KEPUTUSAN ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN</b>	
4.1	Pengenalan	83
4.2	Pemeriksaan Data	84
4.2.1	Julat Respon	84
4.2.2	Kelengkapan Data	85
4.2.3	Kebolehpercayaan Pengukuran	87
4.3	Latar Belakang Responden	89
4.4	Objektif 1	94
4.5	Objektif 2	104
4.6	Objektif 3	120
4.7	Objektif 4	122
4.8	Penutup	126
<b>5</b>	<b>PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN</b>	
5.1	Pengenalan	128
5.2	Perbincangan Hasil Kajian	129
5.3	Implikasi	139
5.4	Cadangan	144
5.5	Kesimpulan	145
	<b>BIBLIOGRAFI</b>	146

**SENARAI SINGKATAN**

<b>NAMA SINGKATAN</b>	<b>NAMA PENUH</b>
CALL	Computer Assisted Language Learning
SMKA	Sekolah Menengah Kebangsaan Agama
ICT	Information And Communication Teknology
SPSS	Statistical Package For The Social Sciene
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
PBBK	Pembelajaran Bahasa Beberbantuan Komputer
BTP	Bahagian Teknologi Pendidikan
P&P	Pengajaran Dan Pembelajaran
IPTA	Institut Pengajian Tinggi Awam
FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
VCD	Video Cakera Padat
SES	Sosio-Ekonomi

**SENARAI LAMPIRAN**

<b>LAMPIRAN</b>	<b>TAJUK</b>	<b>HALAMAN</b>
A	Surat Kebenaran Kajian Daripada KPM	162
B	Surat Kebenaran Soal Selidik Di sekolah	163

## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Perkembangan arus teknologi berjalan seiring dengan perkembangan bidang pendidikan yang semakin pesat membangun sekaligus meletakkan harapan Malaysia setanding dengan negara-negara maju yang lain. Perubahan kurikulum sekolah hari ini, perlu memenuhi kehendak semasa dan mesti disokong dengan penyelidikan ICT dan mengelakkan bidang pendidikan ini ketinggalan zaman, Kaseh, et el (2010). Penggunaan teknologi dilihat sebagai faktor penggerak yang memainkan peranan penting dalam usaha melahirkan modal insan yang mampu membangunkan sesebuah negara.

Dalam usaha mencapai objektif pengajaran dan pembelajaran di peringkat sekolah menengah, maka peranan guru adalah sangat penting dalam mendidik anak didiknya yang guru berperanan sebagai pendidik, pemudahcara atau fasilitator. Objektif umum pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab ialah membolehkan pelajar menguasai empat kemahiran bahasa, iaitu mendengar, bertutur, membaca, dan menulis serta mampu mempraktikkannya mengikut tema dan situasi tertentu. Pengajaran dan pembelajaran bahas Arab juga bertujuan membekalkan pelajar dengan perbendaharaan kata, kaedah nahu dan sarf dan hafazan-hafazan terpilih, di samping membina kemampuan pelajar menggunakan bahasa secara betul dan membina keperibadian pelajar dengan nilai akhlak mulia. Antara objektif khusus pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab sekolah menengah pula adalah mendengar dan memahami teks Arab serta memperkatakannya, bercakap dengan fasih dalam situasi tertentu, membaca dan memahami bahan bacaan Arab, menulis, dan

memahami kandungan penulisan dan pelbagai jenis dan tujuan, menguasai kemahiran menulis kaligrafi Arab seperti Khat Naskh, Ruq'ah, dan Thuluth dengan kaedah yang betul, menghafaz, dan memperdengarkan hafazan dan wazan sarf yang asas, menguasai asas kaedah nahu Arab serta mampu menggunakannya, menguasai sekurang-kurangnya 1,500 perbendaharaan kata Arab serta menggunakannya dengan betul.

Oleh itu, guru yang pandai mendidik akan memudahkan pelajar memahami sesuatu konsep atau sesuatu kemahiran. Menurut Tajul Ariffin dan Nor'Aini (2010) kejayaan negara dari pembentukan modal insan yang cemerlang sentiasa berkait rapat dengan kejayaan bidang pendidikan. Integrasi teknologi dalam bidang pendidikan dilihat membantu pelajar, dan juga guru untuk memantapkan proses pembelajaran dan pengajaran (P&P). Menurut Kamarul Shukri (2010) mendapati penggunaan teknologi dalam proses pembelajaran menjadi lebih berkesan, cekap dan menunjukkan pencapaian positif sekiranya berada dalam pengajaran dan pembelajaran yang betul. Selain itu, konsep integrasi teknologi dalam pendidikan boleh didefinisikan sebagai pengintegrasian tanpa kelim antara pelbagai media dalam satu persekitaran digital bagi memenuhi tujuan persekitaran pembelajaran, pedagogi, reka bentuk kurikulum, dan cara pembelajaran pelajar (Halimah, 2011).

## **1.2 Latar Belakang Kajian**

Perkembangan dan penggunaan teknologi ICT (*Information and Communication Technology*) atau disebut “Teknologi Komunikasi dan Maklumat”, khususnya dalam pendidikan, bukan lagi merupakan sesuatu yang asing di Malaysia. Perkembangan ICT menjanjikan potensi besar, terutama dalam pendidikan, iaitu dengan mengubah cara seseorang belajar, cara memperoleh maklumat, cara menyesuaikan setiap maklumat, dan sebagainya. Seajar dengan perkembangan ICT dalam dunia pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengambil beberapa langkah dalam mengintegrasikan penggunaan ICT dalam proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) di semua peringkat sekolah. Proses P&P yang berlaku merupakan elemen penting dalam meningkatkan pencapaian akademik pelajar. Pengajaran dan

pembelajaran bahasa Arab juga tidak terkecuali dari tempas perkembangan ICT yang memberi faedah kepada proses P&P yang berlaku di peringkat sekolah.

Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Norhayati (2012), cara pendekatan, dan penyampaian dengan menggunakan animasi dalam Bahasa Arab dapat menghilangkan rasa kurang menarik minat pelajar. Keputusan kajian pengkaji ini mendapati animasi sesuai sebagai alat bantu mengajar dalam bahasa Arab dan purata keputusan menunjukkan minat pelajar meingkat dengan tingginya. Hal ini merupakan antara masalah yang menyebabkan pelajar lemah dan tidak dapat menguasai pertuturan bahasa Arab dengan baik. Selain itu, kegagalan para guru untuk melakukan perubahan melalui kaedah dan teknik berasaskan teknologi merupakan cabaran yang perlu dihadapi dan ditangani segera (Siti Fatimah & Ab. Halim, 2010). Oleh itu, penggunaan teknologi ICT dalam pembelajaran dan pengajaran diharapkan mampu memenuhi keperluan dan kehendak para pelajar. Hal ini kerana pembelajaran menerusi teknologi ICT dapat menawarkan persekitaran pembelajaran yang menyeronokkan (Jamalludin & Zaidatun, 2003) dan merupakan cara yang efektif untuk menarik perhatian dan berpotensi menjadikan pembelajaran lebih ceria dan menarik (Aminordin, 2007; Abd Rashid *et al.*, 2012).

Kajian awal telah mendapati bahawa terdapat beberapa faktor yang boleh mempengaruhi kecemerlangan pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Salah satu faktor adalah interaksi pelajar dengan guru. Pembelajaran yang aktif adalah pembelajaran yang melibatkan gabungan sendiri pelajar dan guru dan bukan melibatkan guru semata-mata (Ghazali Yusri, *et. al* 2010), contohnya guru memberi peluang kepada pelajar agar mereka lebih seronok dan lebih menimbulkan minat dalam diri pelajar serta menjadikan proses pengajaran lebih berkesan. Walaubagaimanapun gaya pembelajaran guru yang biasanya menggunakan kaedah pengajaran seperti "*chalk and talk*" masih lagi digunakan oleh guru sebagai kaedah utama dalam penyampaian pengajaran. Kaedah ini tidak dapat memenuhi keperluan semua golongan pelajar. Ini bertepatan dengan kenyataan Abd. Latif (2006) yang menyatakan teknik pengajaran dan pembelajaran menggunakan papan tulis dan kapur kurang berkesan untuk menarik minat pelajar. Teknologi mempunyai keupayaan yang signifikan untuk menambah kefahaman pelajar dan ianya belum lagi menjadi

sebahagian daripada pengetahuan dan persiapan guru untuk menjadikannya sebagai alat pendidikan (Wiske, 2005).

Didapati penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar Melayu amat lemah dengan itu teknik tayangan filem dalam bahasa Arab dan lakonan semula pelajar amat memberi kesan kepada pelajar-pelajar (Mat Taib Pa, 2012). Menurut beliau, ia berpunca daripada amalan pengajaran bahasa Arab yang hanya bergantung kepada penggunaan buku teks semata-mata. Hal ini berpunca dari guru-guru yang kadang-kadang kesuntukan masa untuk menyediakan bahan-bahan bantu mengajar. Ini disebabkan oleh beban tugas guru yang banyak menyukarkan guru untuk menyediakan bahan-bahan tersebut. Situasi tersebut menyebabkan pengajaran dan pembelajaran menjemukan. Pelajar menjadi kurang berminat, cuai, tidak peka dengan apa yang diajar dan kurang menumpukan perhatian kepada pengajaran guru dan akhirnya memberi kesan kepada pencapaian pelajar.

Aspek penggunaan teknologi ICT dapat menjana minat pelajar terhadap apa jua yang disampaikan dalam kelas, lebih-lebih lagi pelajar yang mempunyai kelemahan dalam aspek pengajaran yang tertentu. Penerangan pengajar disertakan dengan maklumat yang dipaparkan menerusi skrin LCD umpamanya, dapat mengekalkan konsentrasi pelajar di dalam kelas dan melatih pelajar berfikir dengan pantas dan terbuka. Dengan bantuan peralatan teknologi, pengajar dapat memastikan kualiti setiap penerangan dan maklumat yang disampaikan. Penggunaan teknologi menjadikan pengajaran kelihatan lebih menarik, ini adalah kerana mempelajari bahasa asing sememangnya mencabar, jadi pengajar mesti pandai memikat minat pelajar menerusi penyampaian yang menggunakan pelbagai teknik, kesan bunyi dan warna. Oleh itu, pengajaran dan pembelajaran kemahiran bahasa asing yang menggunakan peralatan teknologi pengajaran sebenarnya dapat membebaskan pengajar daripada kaedah pengajaran tradisional yang dikenali sebagai kaedah pengajaran satu hala yang berpusatkan pengajar.

Menurut Tajul Ariffin dan Nor'Aini (2010) usaha meningkatkan pencapaian mata pelajaran bahasa Arab ini dapat menyumbang kepada kejayaan negara. Ini kerana pencapaian ini bertitik-tolak dari pembentukan modal insan yang cemerlang

sentiasa berkait rapat dengan kejayaan dalam bidang pendidikan. Integrasi teknologi dalam bidang pendidikan dilihat membantu pelajar dan juga guru untuk memantapkan proses pembelajaran dan pengajaran (P&P).

Selain itu, menurut kajian Khairuzaman (2003) dan Zawawi (2005), amalan pengajaran bahasa Arab berasaskan teknologi ICT adalah satu wahana pengajaran yang dianggap sangat berkesan dan sesuai untuk mendokong aspirasi pendidikan futursitik. ICT adalah merupakan gabungan kemajuan dalam komunikasi teknologi elektronik mikro dan telekomunikasi untuk menyalur maklumat supaya dapat membuat keputusan yang tepat. Dalam pendidikan, ICT boleh digunakan untuk mengumpul, menyimpan, memproses dan menyalurkan serta menyebarkan maklumat secara pantas seperti hantaran elektronik (e-mail) atau CD-ROM untuk membantu proses pengajaran dan pembelajaran ICT berperanan menjadikan suasana pembelajaran dan pengajaran kreatif, menarik serta senang untuk mendapatkan maklumat. Suasana ini terbentuk kerana pengajaran menggunakan ICT menggabungkan pelbagai media seperti teks, audio, grafik tetap, animasi dan penggunaan video dengan aplikasi teknologi terkini untuk menghasilkan sesuatu pengajaran (Helmi, 2011).

Hal demikian juga bertepatan dengan Kajian Norazah Mohd Nordin dan Mohamed Amin Embi (2012) yang memaparkan pandangan bahawa ICT merupakan pemudahcara (*enabler*) dalam bidang pendidikan. ICT digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran dan pengurusan di sekolah. Dalam hal ini, Kementerian Pendidikan Malaysia menggariskan tiga dasar utama ICT dalam pendidikan, iaitu literasi ICT yang bermaksud pelajar memperolehi kemahiran menggunakan kemudahan ICT, peranan, dan fungsi ICT dalam pendidikan sebagai kurikulum dan alat P&P dan penggunaan ICT untuk meningkatkan produktiviti, kecekapan dan keberkesanan sistem pengurusan.

Kajian Mohd Azidan Abdul Jabar (2012) juga mengakui kepantasan perkembangan teknologi komunikasi dan multimedia pada alaf baharu ini turut memberikan kesan kepada bidang pendidikan secara umumnya serta pengajaran dan pembelajaran bahasa asing khususnya bahasa Arab. Penggunaan teknologi pendidikan dalam pengajaran bahasa asing mampu menseimbangkan kandungan



pengajaran bahasa dengan kaedah penyampaian dan penggunaan bahasa dalam konteks moden hari ini.

Untuk merealisasikan teknologi pendidikan, kerajaan Malaysia memperuntukkan perbelanjaan yang besar dalam mempertingkatkan kualiti pendidikan di negara ini dengan pelbagai projek yang dijalankan antaranya dengan membina makmal komputer di setiap sekolah di seluruh negara supaya setiap pelajar berpeluang mengenali dan menikmati kemajuan teknologi. Penerapan ICT di dalam kaedah pengajaran amat digalakkan sebagai salah satu kaedah yang dapat menarik minat pelajar memandangkan kelengkapan ICT sudah pun terdapat di setiap sekolah di seluruh negara. Selain daripada itu, penerapan ICT dalam pendidikan mempunyai banyak kebaikan antaranya sebagai salah satu penambahbaikan dan pemantapan program pendidikan yang sedia ada. ICT juga dijadikan sebagai pengenalan kepada program pendidikan yang baru untuk memantapkan kurikulum berteraskan ICT supaya proses pengajaran dan pembelajaran lebih relevan serta menarik.

Kerajaan Malaysia juga melaksanakan transformasi dalam sistem pendidikan di Malaysia untuk pencapaian matlamat perkembangan produktiviti yang diperolehi melalui literasi teknologi, pemikiran yang kritikal dan juga usaha yang berterusan. Ini terbukti daripada implikasi daripada Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang jelas dari sudut perlaksanaannya dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang bukan lagi berpusat guru tetapi berpusatkan pelajar kerana fokus utama dalam pendidikan adalah perkembangan pelajar secara kumpulan atau individu. Maka, guru perlu melengkapkan diri dengan kemahiran tertentu dalam proses pengajaran atau penyediaan bahan pengajaran, merancang, dan melaksanakan pengajaran mengikut saranan kurikulum serta membuat penilaian untuk meningkatkan keberkesanan dalam pengajaran dan mengenalpasti kelemahan untuk merealisasikan objektif kurikulum. Kemajuan teknologi banyak membantu masyarakat dalam pelbagai perkara seperti menjimatkan masa dalam pekerjaan dan perjalanan, menyelesaikan masalah dalam perhubungan, memberi kemudahan dan pemerolehan ilmu serta maklumat terkini. Aplikasi Internet juga turut bertambah dan salah satu daripada aplikasinya adalah berkaitan dengan penerokaan ilmu pengetahuan yang menjurus kepada perkongsian ilmu, pengetahuan, dan juga maklumat. Keadaan ini menjadikan

Internet lebih relevan dan boleh dimanfaatkan oleh masyarakat. Perkembangan pesat Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) menjadi agenda Kementerian Pendidikan Malaysia dalam usaha memartabatkan pendidikan ke arah kecemerlangan serta membawa kepada era baru pendidikan di negara kita. Menurut pengkaji Habib dan Syed Kamaruzaman (2011), memperkasakan teknologi ICT dapat menyelesaikan masalah pendidikan di Malaysia dan ini merupakan hasrat kerajaan bagi menjadikan pendidikan negara lebih berkualiti tinggi. Komitmen guru yang proaktif adalah mereka yang memahami perkembangan teknologi, berkemahiran tinggi dengan pelaksanaan mengajar berbantuan ICT dan berani bersaing secara sihat dalam melahirkan pelajar yang cemerlang. Penggunaan teknologi terkini terutamanya Internet adalah berkait rapat dengan kepantasan komputer memproses arahan serta kemampuannya membawa maklumat atau sebarang bentuk data di satu tempat ke tempat yang lain dan ini memudahkan proses pembelajaran pelajar berjalan dengan baik dan berkesan.

Hal ini disahkan melalui hasil kajian Ghazali Yusri (2010) menyatakan penggunaan bidang teknologi khususnya dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) adalah yang paling banyak memberi kesan kepada perkembangan semasa selain daripada politik dan ekonomi. Ini merupakan senario abad ke-21 di mana globalisasi adalah kesan yang paling nyata yang menuntut perubahan di peringkat pendidikan dan sistem persekolahan. Selaras dengan perkembangan teknologi ini, kementerian memperkenalkan ICT dalam pendidikan meliputi aspek prasana, pengisian, dan latihan guru, termasuk juga memperkenalkan projek ICT melalui pembekalan komputer sebagai aktiviti utama dalam penyediaan infrastruktur ICT. Langkah ini penting untuk melahirkan warganegara yang berilmu pengetahuan, celik ICT, berkemahiran, dan berakhlak mulia. Selain itu, kementerian juga memperkenalkan projek perintis Sekolah Bestari, Projek My SchoolNet, Projek Makmal Pengkomputeran, TV pendidikan. Maka penerapan ICT dalam proses pengajaran dan pembelajaran adalah merupakan salah satu cara meleraikan masalah tersebut.

### 1.3 Pernyataan Masalah

Pada masa kini, faktor yang menjadi permasalahan kementerian, guru, pelajar, dan ibu bapa adalah menghadapi kelemahan pelajar-pelajar menguasai bahasa Arab dengan mudah. Kekangan sikap bosan dan tidak menarik semasa pembelajaran dan pengajaran mata pelajaran ini menjadi masalah utama dan menyebabkan berlakunya penurunan pencapaian bahasa Arab di Sekolah Menengah Agama, Malaysia. Permasalahan utama dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab ini adalah berhadapan dengan perkaitan cabaran daripada aspek kaedah pengajaran yang digunakan, alat bantu mengajar, persepsi guru, dan pelajar. Lebih kritikal apabila ramai dalam kalangan pelajar yang lemah dalam penguasaan bahasa Arab, walaupun dasar pendidikan Negara melalui Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) menekankan pembelajaran sistematik yang diharapkan dapat mengubah hala tuju pembelajaran dan pengajaran termasuk dalam bahasa Arab. Pembelajaran sistematik juga berkait rapat dengan penggunaan teknologi ICT dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Ini berkait rapat dengan isu kurangnya sikap inovasi, dan kreatif guru dalam penggunaan ICT bagi menarik minat pelajar dan mencapai kefahaman sepenuhnya semasa pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab dijalankan di sekolah.

Selain itu juga, permasalahan yang sering dihadapi adalah ketidakberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab yang lemah dalam amalan pedagogi, penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) dan kegagalan memanfaatkan perkembangan teknologi semasa. Walaupun saranan kerajaan menyeru guru memperkasakan penggunaan ICT dalam pengajaran, namun masih terdapat guru bahasa Arab yang tidak berani ataupun kurang berinovasi dalam menggunakan teknologi ICT dalam bilik darjah. Ini disebabkan kurangnya pengetahuan dan kemahiran menggunakan ICT di bilik darjah dalam kalangan guru bahasa Arab. Pengkaji Nadwah dan Nadhilah (2014) mendapati permasalahan yang berlaku dalam kalangan pelajar yang mempelajari bahasa Arab adalah ketidaklancaran dalam menguasai kosa kata, kurang berinteraksi, dan prestasi merundum dalam komunikasi bahasa Arab kerana kurangnya dorongan persekitaran mereka. Kajian pengkaji ini juga mendapati hanya bantuan rakan sekumpulan sahaja yang dapat membantu

mereka memahami dan menguasai bahasa Arab dengan baik dan mengalami masalah kebosanan dalam seisi pengajaran guru yang berada di tahap yang lama.

Selain itu, Ab. Halim (2009) yang menyatakan bahawa minat pelajar adalah kurang dalam kalangan pelajar adalah dikaitkan dengan masalah dalaman yang kurang dipupuk oleh guru supaya berkeyakinan, takut, dan malu dalam melakukan kesalahan, terlalu rasa rendah diri dan kluatir ditertawakan oleh orang lain. Ini diakibatkan dengan permasalahan ketidakberkesanan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab yang menyumbang pelajar gagal mencapai pencapaian yang dihasratkan oleh pihak pengurusan di beberapa sekolah menengah jenis Agama di Malaysia. Dengan itu, sekiranya guru pakar menggunakan dan mengendalikan teknologi dengan sempurna dalam pengajaran, sudah tentu pelajar akan rasa kagum, menarik minat dan berkeyakinan dalam menguasai bahasa Arab dengan cemerlang. Ini bertepatan dengan pandangan Norhayati Hashim (2011) yang menyatakan perbezaan kehebatan seseorang guru berbanding guru yang lain adalah sikap kreatif, inovatif, dan kepakaran mereka dalam penggunaan teknologi ICT yang tinggi dalam tugas profesional sebagai tenaga pengajar. Namun begitu, guru bahasa Arab lebih berminat menggunakan teknik konvensional dalam seisi pengajaran dan pembelajaran berbanding penggunaan ICT sedangkan kemudahan makmal komputer dan rangkaian ICT telah pun disediakan oleh kerajaan secara menyeluruh di sekolah-sekolah menengah jenis agama pada hari ini. Permasalahan ini sedikit sebanyak menyumbang kepada kemerosotan prestasi pelajar yang mempelajari bahasa Arab kerana berlakunya kurang pemerhatian, kurang tumpuan sepenuhnya dan kemelesetan minat terhadap mata pelajaran ini.

Permasalahan kajian ini selari dengan Rahmat (2011) yang menyatakan bahawa pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab menjadi tidak berkesan mengakibatkan pelajar gagal mencapai tujuan yang dihasratkan. Antara unsur yang penting dalam pengajaran bahasa yang mungkin dipandang remeh ialah kecekapan penggunaan ICT sebagai alat bantu mengajar yang sesuai dalam kalangan guru-guru bahasa Arab. Oleh itu, penggunaan teknologi dalam pengajaran bahasa Arab dilihat sebagai satu usaha yang sesuai untuk memberikan implikasi terhadap permasalahan yang dihadapi. Sebagai alat bantu pengajaran yang terkini sifatnya, penggunaan komputer dilihat sebagai usaha yang mampu mengubah persepsi pelajar terhadap

pembelajaran bahasa Arab. Guru bahasa Arab sebagai pengendali pengajaran, perlu mempunyai keberanian, kecekapan dan keterampilan yang konsisten dalam mengendalikan pengajaran bahasa berbantuan teknologi. Kajian ini menggunakan borang kaji selidik kajian yang dilakukan oleh Hawa Rahmat et al. (2005) sebagai sandaran, namun kajian ini berbeza dengan pengkaji kajian yang lepas di mana kajian ini lebih tertumpu kepada penggunaan bahan ICT dapat memberi kesan terhadap minat, interaksi, dan pencapaian prestasi para pelajar yang mempelajari bahasa Arab. Kebanyakan kajian yang dilakukan terhadap penguasaan bahasa Arab sebelum ini hanya tertumpu kepada satu hala tujuan yang mengkaji kaedah pengajaran terhadap buku teks.

Namun kajian berkaitan dengan strategi pembelajaran melalui konteks kekerapan penggunaan ICT dalam matapelajaran ini masih kurang diberikan pemerhatian. Kajian ini turut merungkai tahap permasalahan kefahaman, aktiviti-aktiviti dalam mahupun luar kelas dan prestasi pelajar-pelajar mengenai sistem pembelajaran yang dilaksanakan oleh guru bahasa Arab mereka. Kajian lain juga tidak menekankan kekerapan penggunaan berdasarkan jenis-jenis bahan ICT terhadap kesan minat, interaksi dan pencapaian para pelajar.

Pengajaran yang kurang sistematik dapat memberi kesan negatif dalam proses melahirkan pelajar yang berkualiti. Merujuk pengkaji Siti Ikbal (2010), pelajar hari ini kurang berkualiti dan terbelenggu dengan masalah dalam mata pelajaran bahasa Arab yang menunjukkan rasa kurang berminat, kurang berinteraksi semasa pengajaran guru berlaku dan pencapaian yang tidak memuaskan pihak pengurusan sekolah. Manakala Rosni (2013) mendapati isu pembelajaran bahasa Arab dapat dibanteras dengan peranan guru dalam menarik minat pelajar semasa proses pembelajaran. Beliau menyatakan ramai pelajar berasa bosan dengan taktik pengajaran yang efektif dapat menyelesaikan masalah kehambatan dalam kaedah pengajaran. Guru sebagai agen perubahan pembelajaran adalah perlu bersedia untuk menghadapi sebarang perubahan yang berlaku terutama dari segi perkembangan ICT. Maka pelajar perlu didedahkan dengan menggunakan teknik pengajaran dan pembelajaran yang terkini, iaitu dengan menggunakan teknologi ICT sebagai alat bantuan pendidikan yang berkesan. Justeru itu, perlunya pendekatan dalam

pengajaran dan pembelajaran supaya para pelajar memperoleh pendidikan yang setara dengan kecemerlangan yang diharapkan.

Rentetan daripada pernyataan masalah di atas, perkara ini menggalakkan pengkaji menyelidik dan mengenalpasti penyelesaian yang sewajarnya dalam satu langkah yang komprehensif dan bertujuan meningkatkan pencapaian pembelajaran bahasa Arab. Pengkaji akan menyelesaikan masalah kajian dengan menguji tahap penggunaan ICT dan keberkesanannya kepada para pelajar.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Antara objektif kajian ini ialah seperti berikut:

1. Menguji tahap penggunaan jenis bahan ICT, tahap kekerapan penggunaan teknologi ICT, dan tahap persepsi pelajar mengenai minat, interaksi, dan pencapaian bahasa Arab.
2. Menguji perbezaan penggunaan jenis bahan ICT, tahap kekerapan penggunaan ICT, dan persepsi pelajar (minat, interaksi, dan pencapaian) berdasarkan jantina, sekolah, pendidikan keluarga, dan sosio-ekonomi keluarga.
3. Menganalisis hubungan antara penggunaan jenis bahan ICT dan tahap kekerapan penggunaan teknologi ICT dalam pengajaran bahasa Arab.
4. Mengkaji hubungan antara tahap kekerapan penggunaan teknologi ICT dalam pengajaran terhadap minat, interaksi, dan prestasi pelajar dalam pembelajaran bahasa Arab.

## 1.5 Persoalan Kajian

Berdasarkan pernyataan permasalahan kajian yang dinyatakan, maka terbit persoalan-persoalan kajian yang perlu dijawab, iaitu:

1. Apakah tahap penggunaan jenis bahan ICT, tahap kekerapan penggunaan teknologi ICT, dan tahap persepsi pelajar mengenai minat, interaksi, dan pencapaian bahasa Arab?
2. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara penggunaan jenis bahan ICT, kekerapan penggunaan ICT dan persepsi pelajar (minat, interaksi dan pencapaian) berdasarkan jantina, sekolah, pendidikan keluarga, dan sosio-ekonomi keluarga?
3. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara penggunaan jenis bahan ICT dan tahap kekerapan penggunaan teknologi ICT dalam pengajaran bahasa Arab?
4. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara tahap penggunaan teknologi ICT dalam pengajaran bahasa Arab terhadap minat, interaksi, dan prestasi pelajar dalam pembelajaran bahasa Arab?

## 1.6 Hipotesis Kajian

Hipotesis adalah amat penting dalam membantu penyelidik fokus dalam pengujian kajian, memberi rangka rumusan dapatan kajian dan meningkatkan kebolehpercayaan kajian (Chua, 2011). Berdasarkan objektif kajian di atas, berikut merupakan hipotesis kajian dalam bentuk Hipotesis Nol ( $H_0$ ) dan akan diuji kebenarannya. Pengkaji menggunakan aras signifikan pada aras keertian nilai-p kurang dari 0.05 untuk menguji kesemua hipotesis berikut:

1. Hipotesis 1 nol ( $H_{10}$ ): Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara penggunaan jenis bahan ICT dan faktor demografi pelajar.

- a. Hipotesis 1a nol ( $H1a_0$ ): Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara penggunaan jenis bahan ICT dan jenis sekolah.
  - b. Hipotesis 1b nol ( $H1b_0$ ): Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara penggunaan jenis bahan ICT dan jantina.
  - c. Hipotesis 1c nol ( $H1c_0$ ): Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara penggunaan jenis bahan ICT, dan pendidikan ibu bapa.
  - d. Hipotesis 1d nol ( $H1d_0$ ): Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara penggunaan jenis bahan ICT, dan sosio-ekonomi ibu bapa.
2. Hipotesis 2 nol ( $H2_0$ ): Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kekerapan penggunaan ICT, dan faktor demografi pelajar.
- a. Hipotesis 2a nol ( $H2a_0$ ): Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kekerapan penggunaan ICT, dan jenis sekolah.
  - b. Hipotesis 2b nol ( $H2b_0$ ): Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kekerapan penggunaan ICT, dan jantina.
  - c. Hipotesis 2c nol ( $H2c_0$ ): Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kekerapan penggunaan ICT, dan pendidikan ibu bapa.
  - d. Hipotesis 2d nol ( $H2d_0$ ): Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kekerapan penggunaan ICT, dan sosio-ekonomi ibu bapa.
3. Hipotesis 3 nol ( $H3_0$ ): Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara persepsi pelajar tentang kesan penggunaan teknologi ICT mengikut faktor demografi pelajar.



- a. Hipotesis 3a nol ( $H_{3a_0}$ ): Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara persepsi pelajar tentang kesan penggunaan teknologi ICT mengikut jenis sekolah.
  - b. Hipotesis 3b nol ( $H_{3b_0}$ ): Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara persepsi pelajar tentang kesan penggunaan teknologi ICT mengikut jantina.
  - c. Hipotesis 3c nol ( $H_{3c_0}$ ): Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara persepsi pelajar tentang kesan penggunaan teknologi ICT mengikut pendidikan ibu bapa.
  - d. Hipotesis 3d nol ( $H_{3d_0}$ ): Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara persepsi pelajar tentang kesan penggunaan teknologi ICT mengikut sosio-ekonomi ibu bapa.
4. Hipotesis 4 nol ( $H_{4_0}$ ): Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara penggunaan jenis bahan ICT, dan tahap kekerapan penggunaan teknologi ICT.
  5. Hipotesis 5 nol ( $H_{5_0}$ ): Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap penggunaan teknologi ICT, dan persepsi pelajar terhadap kesan penggunaannya.
    - a. Hipotesis 5a nol ( $H_{5a_0}$ ): Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap penggunaan teknologi ICT, dan minat pelajar dalam pembelajaran bahasa Arab.
    - b. Hipotesis 5b nol ( $H_{5b_0}$ ): Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap penggunaan teknologi ICT, dan interaksi pelajar dalam pembelajaran bahasa Arab.


- c. Hipotesis 5c nol ( $H5c_0$ ): Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap penggunaan teknologi ICT, dan prestasi pelajar dalam pembelajaran bahasa Arab.

## 1.7 Kerangka Kajian

### 1.7.1 Kerangka Teori

Kajian ini menjadikan teori pengajaran dan pembelajaran yang dicadangkan oleh Reigeluth dan Meril (1983) sebagai asas utama dalam model pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan pelajar sekolah Menengah Atas. Pendekatan proses pengajaran dan pembelajaran bermula dari penelitian keadaan dan permasalahan sedia ada yang dialami oleh para pelajar sehingga kesan metod pengajaran yang dilaksanakan.

Kerangka teori kajian adalah seperti yang tertera dalam Rajah 1.1:



Rajah 1.1: Kerangka Teori Kajian

Reigeluth dan Meril (1983) mengatakan bahawa pembelajaran yang berkesan adalah berdasarkan teori pembelajaran yang mempunyai ciri-ciri yang bermula dari penilaian keadaan semasa pengajaran, dan pembelajaran, metod yang terbaik hasil dari penilaian keadaan semasa kelas dan para pelajar dan kesan dari langkah pelaksanaan pembelajaran. Berdasarkan Rajah 1.1, keadaan pembelajaran pelajar yang mengambil subjek bahasa Arab diteliti dari segi permasalahan persekitaran, pembelajaran, dan pengajaran, permasalahan yang dialami oleh para pelajar, dan permasalahan guru-guru.

Selain itu juga ciri matapelajaran bahasa Arab dikaji terlebih dahulu dengan mengetahui peringkat kesukaran sukatan mata pelajaran bahasa Arab dan kelemahan-kelemahan yang menjadi kekangan para pelajar menguasai subjek ini dengan mudah. Pihak sekolah, guru, dan para pelajar perlu mengetahui dengan jelas mengenai tujuan mahupun hasrat hala tuju kejayaan subjek bahasa Arab ini.

Peringkat kedua dalam kerangka teori ini adalah mengenai metod pembelajaran teknik yang sesuai dilaksanakan bagi meningkatkan mata pelajaran bahasa Arab. Metod pembelajaran yang dimaksudkan adalah mengenai penggunaan bahan matapelajaran, strategi penyampaian para guru dan pelaksanaan kegiatan pengajaran dan pembelajaran. Peringkat inilah yang diberikan tumpuan utama dalam kajian ini, iaitu bahagian penggunaan bahan pengajaran dan pembelajaran untuk subjek bahasa Arab iaitu penggunaan ICT. Pada peringkat ini, pengkaji menjadikan teori ini sebagai sandaran dan mengkaji bahan ICT yang paling berkesan untuk digunakan dalam pembelajaran dan kekerapan penggunaan ICT semasa pengajaran pembelajaran.


Peringkat ketiga teori pembelajaran adalah hasil pembelajaran. Setelah menjalankan peringkat pertama (mengkaji keadaan semasa pembelajaran) dan peringkat kedua (metode pembelajaran), hasil dari kesan pelaksanaan kedua-dua alternatif ini perlu diketahui. Hasil pembelajaran yang telah terlaksanakan akan dinilai melalui minat para pelajar, kecekapan dan keberkesanan pencapaian mata pelajaran bahasa Arab ini. Pengkaji mengikuti teori pembelajaran yang dicadangkan ini, dengan mengkaji hasil dari penggunaan ICT dalam matapelajaran bahasa Arab

dengan meneliti tahap tarikan minat pelajar, kecekapan interaksi dan keberkesanan yang melibatkan pencapaian matapelajaran bahasa Arab.

### 1.7.2 Kerangka Konsep Kajian

Kajian yang dijalankan melibatkan penggunaan teori pembelajaran dan sesuai digunakan bagi meningkatkan kejayaan bahasa Arab di sekolah menengah. Kerangka konsep ini dibina berdasarkan prinsip-prinsip pembelajaran yang dicadangkan dalam bahagian 1.7.1 dan menggunakan tiga teori pembelajaran; (1) keadaan pembelajaran, (2) metod pembelajaran dan (3) hasil pembelajaran.

Kerangka konsep yang dibina adalah seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1.2:



Rajah 1.2: Kerangka Konsep Kajian

Kerangka konsep dibina berlandaskan kerangka teori kajian yang dapat membentuk dua pembolehubah utama iaitu bersandar dan tidak bersandar. Pembolehubah tidak bersandar meliputi kategori peringkat pertama dalam teori pembelajaran, iaitu keadaan pembelajaran dan metode pembelajaran. Manakala pembolehubah bersandar merangkumi peringkat ketiga teori pembelajaran yang dicadangkan, iaitu hasil pembelajaran. Pembolehubah tidak bersandar kajian ini adalah penggunaan jenis bahan ICT yang digunakan oleh guru bahasa Arab semasa pengajaran dan pembelajaran.

Jenis bahan ICT yang manakah sering digunakan semasa seisi pengajaran dan pembelajaran di dalam dan luar kelas oleh kalangan guru, dan pelajar. Siasatan mengenai tahap penggunaan ICT semasa ini dapat memberi penjelasan kepada pengkaji keadaan penggunaan konvensional atau ICT lebih banyak digunakan dalam menaik taraf metod pengajaran bahasa Arab pada hari ini. Setelah mengetahui jenis-jenis ICT mana yang paling banyak digunakan, pengkaji akan menilai tahap kekerapan penggunaan ICT ini secara keseluruhan yang melambangkan pelaksanaan metod ICT dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab ini. Pengukuran-pengukuran yang bersesuaian bagi mengukur kekerapan penggunaan ICT ini akan diletakkan di bawah pembolehubah tidak bersandar yang kedua yang dinamakan sebagai kekerapan penggunaan ICT.

Seterusnya, tahap penggunaan jenis bahan-bahan ICT, dan kekerapan pelaksanaan penggunaan ICT ini akan dikaji sama ada memberi kesan kepada pelajar dari segi minat, interaksi, dan pencapaian matapelajaran bahasa Arab ini. Kesan pelaksanaan yang diukur dengan mengambil tahu persepsi pelajar mengenai daya tarikan penggunaan ICT mencetuskan minat, lebih berinteraksi, dan pencapaian mereka akan diuji di bawah pembolehubah bersandar.

Perbezaan tahap penggunaan ICT mengikut jenis-jenis bahan ICT, kekerapan pelaksanaan penggunaan ICT, dan pencapaian pelajar berdasarkan faktor demografi juga diuji seperti yang tertera dalam kerangka konsep kajian tersebut. Setiap perbezaan tahap pembolehubah tidak bersandar, dan bersandar akan diketahui mengikut jantina, jenis sekolah, pendidikan ibu bapa, dan pendapatan sosio-ekonomi

keluarga. Hal ini penting diketahui kerana sedikit sebanyak latar belakang pelajar dapat disiasat samaada mempengaruhi kegunaan penggunaan ICT.

Dalam erti kata lain, pengkaji dapat mengetahui permintaan para pelajar terhadap metod pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan teknologi terkini dalam menarik minat , berkomunikasi secara dua hala dan peningkatan pencapaian.

## **1.8 Kepentingan Kajian**

Terdapat beberapa sebab kajian ini penting dijalankan. Kajian ini berkaitan dengan penggunaan ICT dan keberkesanan terhadap kejayaan subjek bahasa Arab di sekolah menengah kebangsaan. Kepentingan kajian ini adalah dapat dijadikan rangka rujuk utama, tabung fakta dan sumber metod pengajaran dan pembelajaran profesional dari masa ke semasa oleh pengurusan pendidikan sekolah dan para guru. Sehubungan dengan itu, dapatan kajian ini adalah sebagai titik permulaan yang membolehkan pihak sekolah dan kementerian merangka dan merancang program latihan dan seminar yang bersesuaian dilakukan kepada para guru dan pelajar yang terlibat dalam bahasa Arab ini. Selain latihan, kemahiran, dan seminar mengenai ICT dapat dijalankan, Kementerian Pendidikan Malaysia akan dapat menggubal peraturan, dan undang-undang supaya dapat meningkatkan amalan pengajaran dan pembelajaran yang lebih efektif dengan penggunaan ICT terkini untuk para pelajar bahasa Arab.

Selain itu juga, hal ini kerana tidak banyak kajian dan tulisan berkaitan topik kajian yang bercorak pengajaran dan pembelajaran keislaman. Kajian ini penting dalam usaha peningkatan dan memperkayakan tabung maklumat mengenai amalan pengurusan pengajaran bahasa Arab yang bersesuaian dengan situasi, dan keunikan sistem pendidikan di Malaysia. Hasil kajian ini juga dapat memberikan kesedaran bukan sahaja kepada guru-guru malah pelajar, dan ibubapa yang terlibat juga dapat menjana pengetahuan yang tinggi berkaitan dengan isu kebosanan para pelajar, tidak minat dan merundumnya pencapaian dalam subjek ini. Pihak sekolah dan kementerian juga dapat menyedari bahawa pentingnya fasiliti penggunaan ICT di sekolah dan perlu menyediakan secara lengkap dan lestari untuk melancarkan lagi

perlaksanaan metod pembelajaran dan pengajaran dalam kalangan guru-guru bahasa Arab.

Dari sudut pengetua pula, pemimpin, dan pengurus, dapatan kajian ini dapat mengetahui kelemahan pengurus sedia ada terutamanya melibatkan kegagalan pencapaian pelajar dalam bahasa Arab. Kepentingan kajian ini dapat menyumbang kepada sokongan guru bahasa Arab supaya lebih cemerlang dalam meningkatkan daya tarikan minat pelajar, mewujudkan komunikasi ataupun interaksi dua hala, dan pencapaian pelajar.

### **1.9 Skop Kajian**

Skop kajian ini melibatkan pelajar tingkatan empat yang berada di seluruh SMKA di negeri Pahang di mana terdiri daripada dua sekolah, iaitu di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Tengku Ampuan Hajjah Afzan, Jerantut dan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Pahang, Muadzam Shah yang berada di negeri Pahang. Fokus kajian terhadap pelajar tingkatan empat adalah kerana proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) guru tidak terikat kepada peperiksaan SPM. Hal ini kerana persediaan peperiksaan sedikit sebanyak mempengaruhi dapatan yang akan terhasil.

Selain itu, negeri Pahang adalah antara negeri yang tersenarai dalam lima buah negeri yang mempunyai sekolah menengah yang tertinggi dan menerima peruntukan penyelenggaraan daripada KPM sebanyak 485 buah komputer. Selain itu, negeri Pahang juga terlibat dalam Projek Makmal Komputer Sekolah-Sekolah Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM, 2010a;2012).

Kajian ini tidak melibatkan amalan pengajaran yang digunakan oleh guru. Kajian ini lebih berbentuk tinjauan terhadap persepsi pelajar terhadap penggunaan teknologi ICT dalam pengajaran oleh guru bahasa Arab Sekolah Menengah Kebangsaan Agama mengenai beberapa perkara yang berkaitan dengan teknologi ICT.

### **1.10 Batasan Kajian**

Pada asasnya, batasan kajian ini terbahagi kepada beberapa perkara iaitu yang pertama kajian ini adalah berbentuk kajian kuantitatif dan deskriptif yang melibatkan responden dari dua sekolah, iaitu di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Tengku Ampuan Hajjah Afzan, Jerantut dan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Pahang, Muadzam Shah yang berada di negeri Pahang. Perkara proses generalisasi yang dibuat hanyalah untuk konteks kajian ini sahaja dan kajian komprehensif adalah perlu untuk mengatasi limitasi ini. Namun begitu dapatan kajian ini masih sesuai digunakan kepada mana-mana kumpulan pengajar dan pengurusan sekolah menengah kebangsaan jenis agama di daerah-daerah lain di dalam Malaysia yang mempunyai persekitaran dan permasalahan yang serupa sebagai panduan dan rujukan umum sahaja.

Penyelidikan ini hanya mengambil tahu persepsi pelajar sahaja terhadap metod guru-guru bahasa Arab mereka mengajar semasa di dalam dan luar kelas. Sebaliknya terdapat banyak faktor dari persekitaran kelas, sekolah, pendapat guru-guru dan pihak pengurusan sekolah juga mungkin turut diambil kira dalam menjawab soal selidik kajian. Pendapat yang melibatkan peranan dalam mempengaruhi guru-guru bahasa Arab membuat keputusan dan komitmen semasa mengajar adalah penting. Persepsi guru-guru dan pihak pengurusan sekolah tidak sempat diambil dan dijadikan data kajian adalah disebabkan kekangan faktor masa yang terlalu singkat dalam menyiapkan penyelidikan ini. Namun begitu, penyelidik hanya dapat mengetahui dan memahami permasalahan situasi persekitaran pengajaran dan pembelajaran matapelajaran bahasa Arab di lokasi kajian dengan menggunakan metod pemerhatian dan tinjauan secara langsung semasa data persepsi pelajar dikutip.



## **1.11 Definisi Operasional**

Dalam kajian ini, beberapa istilah yang sangat penting perlu diberikan makna supaya pembaca dapat memahami dengan baik. Istilah-istilah yang berkaitan kajian adalah seperti berikut :

### **1.11.1 Pengajaran dan Pembelajaran**

Menurut Baharuddin et. al (2013), metode pengajaran adalah pemilihan kaedah atau strategi dalam proses menyusun maklumat, aktiviti, pendekatan dan media untuk menolong para pelajar mencapai objektif yang telah ditetapkan. Dalam proses pengajaran melibatkan tenaga pengajar, dan pelajar. Selain itu, ia juga berkongsi maklumat antara guru dan pelajar. Guru juga memainkan peranan yang sangat penting untuk mencapai matlamat pendidikan bahasa Arab, dan mempelbagaikan lagi teknik pengajaran dan pembelajaran.

Kaedah pengajaran bersifat prosedur yang terdiri daripada langkah-langkah dan peringkat-peringkat yang teratur harus dituruti dengan saksama untuk mencapai tujuan tertentu. Kaedah pengajaran dan pembelajaran bahasa bermula dengan penganalisisan bahasa. Harus diingat bahawa sesuatu kaedah yang dipraktikkan oleh guru dapat memberi kesan yang mendalam terhadap proses pembelajaran. Menurut Rosni (2011), teknik pengajaran merupakan satu tindakan yang bertujuan untuk membawa perubahan dari segi kepercayaan, etika, nilai, dan makna.

Manakala menurut Abd Rahim (2012), pengajaran merupakan proses penyampaian kemahiran, ilmu pengetahuan, sikap, etika, dan nilai-nilai. Sistem pengajaran melibatkan penerangan, persembahan, tunjuk cara, ujikaji atau gabungan kesemua kaedah tersebut dalam satu sesi bersama pelajar pada masa proses tuntutan ilmu berlaku. Pengajaran yang berkesan adalah proses pengajaran yang melibatkan pembelajaran pelajar sebagaimana yang dikehendaki oleh masyarakat dan falsafah pendidikan negara.

Pembelajaran adalah perubahan tingkah laku yang berlaku kepada para pelajar akibat daripada berinteraksi dengan persekitaran (Baharuddin et. al 2013). Selain itu juga, pembelajaran juga bermaksud satu proses menghalusi fikiran dan memperbaiki kebolehan berfikir seseorang, mendalami kefahaman seseorang mengenai isu, atau meningkatkan kefahaman seseorang mengenai isu, atau meningkatkan kefahaman mendalam mengenai persekitaran seperti mendapatkan teknik yang baik atau fakta baru (Shahabudin Hashim et.al, 2013).

